

→ PENGANGKUTAN


MH370 tiada di lokasi pencarian

BH
21/12/2016
ms 4



Info

CADANGAN LOKASI PENCARIAN BAHARU MH370



Lebih 20 serpihan pesawat ditemui di sepanjang pesisir pantai barat Lautan Hindi, ada antaranya disahkan daripada MH370



Keputusan model arah arus serpihan dan maklumat satelit terkini menunjukkan ada bukti kuat pesawat berkenaan kemungkinan berada di utara kawasan pencarian dasar laut sekarang”

Biro Keselamatan Pengangkutan Australia

Deen : Grafik BH

➔ Pakar sahkan tidak ada kesan bangkai pesawat di dasar laut luar pantai Australia

► Kuala Lumpur

Selepas lebih dua tahun mencari pesawat MH370 di selatan Lautan Hindi, Biro Keselamatan Pengangkutan Australia (ATSB), semalam memutuskan kawasan pencarian di dasar laut itu mungkin bukan lokasi terletaknya bangkai pesawat berkenaan.

ATSB, dalam Laporan Semakan Semula Utamanya mengenai MH370, yang dikeluarkan semalam, berkata pakar mereka juga mengenal pasti satu kawasan seluas kira-kira 25,000 km persegi di utara kawasan pencarian sekarang sebagai lokasi paling berkemungkinan terletaknya bangkai pesawat itu.

Yakin tiada pesawat

Berikutan itu, ATSB berkata, kawasan pencarian sekarang tidak

perlu diperluaskan lagi berikutan tiada kesan pesawat di dasar laut luar pantai Australia.

“Pasukan pakar yakin bahawa kawasan pencarian dasar laut yang dikenal pasti sebelum ini tidak mempunyai pesawat yang dicari.

“Pakar merumuskan jika pencarian diteruskan di kawasan ini, lokasi prospektif terletaknya bangkai pesawat itu berasaskan semua analisis yang dibuat setakat ini, ia tidak akan memberi hasil,” kata agensi itu dalam laporannya.

Laporan itu berkata, keputusan model arah arus serpihan dan maklumat satelit terkini menunjukkan ada bukti kuat pesawat berkenaan kemungkinan berada di utara kawasan pencarian dasar laut sekarang.

ATSB, agensi utama dalam usaha mencari MH370, berkata analisis bebas terkini mengenai data satelit

dan pola hanyutan, secara konsisten mengenal pasti lokasi impak paling berkemungkinan berkaitan MH370 ialah berhampiran gerbang ke-7 dalam jajaran kira-kira 33°S hingga 36°S.

MH370 hilang pada 7 Mac 2014 ketika dalam penerbangan ke Beijing dari Kuala Lumpur dengan membawa 239 penumpang dan anak kapal.

Temui 20 serpihan

Setakat ini, lebih 20 serpihan yang ditemui, kebanyakannya di pesisir pantai barat Lautan Hindi sudah disahkan atau mungkin daripada pesawat Penerbangan Malaysia yang hilang. Pencarian kawasan laut seluas 120,000 kilometer persegi sekarang dijangka berakhir pada bulan depan.

Beberapa pakar antarabangsa termasuk dari Malaysia, Australia,

Boeing dan Inmarsat bertemu di Canberra, bulan lalu, untuk meneliti bukti dan model pencarian.

Kawasan pencarian sebelum ini adalah berdasarkan analisis satelit terhadap unjuran pergerakan pesawat, selepas ia menukar arah dari laluan dijadualkan selain mengambil kira faktor dinamik pesawat dan data meteorologi.

Ia menunjukkan lokasi terakhir diketahui adalah di sepanjang laluan ke arah utara ke Asia Tengah atau ke selatan di Lautan Hindi. Koridor laluan utara itu ditolak kerana jika ia berlaku pesawat pasti sudah dikesan.

Julai lalu, Australia, Malaysia dan China mengumumkan operasi mencari MH370 akan digantung selepas selesai pencarian keseluruhan zon dikenal pasti sebelum ini, kecuali ada penemuan baharu.

Agensi